

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**  
**RUJUKAN : BL3 [PR-1323-T64520]**  
**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang teruk pada waktu puncak menghantar dan mengambil para pelajar di Garden International School dan French International School, adakah saman trafik dikeluarkan setiap hari pada kenderaan-kenderaan yang menghalang lalu lintas trafik sehingga masalah ini selesai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, Kementerian Wilayah Persekutuan ambil maklum dengan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Dutamas Raya terutama pada waktu menghantar dan mengambil pelajar di **Garden International School serta di French International School**. Beberapa aduan mengenai isu ini telah diterima dan Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Warden Trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan secara berkala. Mengikut rekod tindakan dari bulan **Januari hingga September 2014** sejumlah **405 Notis Kesalahan Lalulintas** telah dikeluarkan di samping sejumlah **37 buah kenderaan ditunda**.

